

Tapak lupus sampah runtuh

Penduduk Sg Chinchin bimbang, runtuhan tutup anak sungai



Tapak pelupusan sampah yang runtuh di kedalaman 200 meter.

NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - Penduduk kampung Sg Chinchin kini diulit kebimbangan selepas tapak pelupusan sampah haram berhampiran Town Villa Sri Gombak runtuh dengan ketinggian 200 meter dan menutupi anak sungai.

Ketua kampung berkenaan, Khazari Abas, 60, berkata, kerisauan dilihat ketara setiap kali turun hujan lebat kerana khuatir runtuhan kedua berlaku disusuli pokok-pokok tumbang mengenai rumah penduduk.

Menurutnya, walaupun insiden telah memasuki minggu kedua namun didapati lori yang membuang sampah masih menjalankan aktiviti

seperti biasa.

"Baru dua atau tiga hari lalu kami lihat beberapa lori membuang sampah di kawasan sama sekitar jam 4 hingga 5 petang.

"Penduduk dianggarkan seramai 300 keluarga di sini berdepan risiko akibat kejadian runtuhan itu dan kami berharap supaya tindakan segera dilakukan," katanya kepada Sinar Harian, semalam.

Katanya, setakat ini tiada arahan pengosongan rumah dikeluarkan oleh pihak berwajib kepada penduduk tetapi berharap keselamatan mereka di sini terjamin.

Khazari berkata, beliau berharap supaya aliran sungai dapat dibaiki dengan menstrukturkan semula sistem perparitan di situ supaya melancarkan perjalanan air terutamanya sewaktu musim hujan.

Penduduk dianggarkan seramai 300 keluarga di sini berdepan risiko akibat kejadian runtuhan itu dan kami berharap supaya tindakan segera dilakukan."

Khazari

Kawalan diperketat

PEGAWAI Daerah Pejabat Tanah dan Daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, notis 7 (a) melibatkan rampasan akan dilakukan di tanah persendirian itu kerana membenarkan aktiviti pelupusan sampah dilakukan.

"Aktiviti itu dikesan sejak 2011 lagi melibatkan tanah seluas tiga ekar bukan hanya sampah barang binaan tetapi juga sampah domestik.

"Pihak Majlis Perbandaran Selayang memaklumkan akan memasang pita kuning sebagai menghalang aktiviti tersebut berterusan selain meletakkan anggota kawalan," katanya.

Katanya, sementara pihak JKR pula akan melihat kecerunan tebing dan memastikan tidak berlaku pergerakan tanah di kawasan itu.

"Pemasangan penahan tebing jenis 'geo mat' telah dilakukan di kawasan itu sebagai mengurangkan pergerakan dan menstabilkan tanah.

"Kita juga telah memohon supaya struktur sungai dibaiki untuk mengelak masalah lebih buruk atau berlaku aliran air bawah tanah yang pastinya membahayakan penduduk," katanya.

Katanya, dipercayai tanah jenis persendirian itu dimiliki oleh lima penama yang akan dikesan untuk tindakan.



Penahan tebing menggunakan 'geo mat' dipasang.



Nor Hisham (dua, kiri) melihat runtuhan sampah yang menutupi Sg Chinchin, semalam.

